

07 SEP 1998

KENYATAAN PENUH MENGENAI PELANTIKAN MENTERI KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 7 Sept (Bernama) -- Berikut ialah naskhah penuh kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri mengenai jawatan Menteri Kewangan Pertama dan Menteri Kewangan Kedua.

"Adalah dimaklumkan bahawa berikutan dengan kekosongan dalam jawatan Menteri Kewangan, Kerajaan telah membuat keputusan untuk mewujudkan dua jawatan iaitu Menteri Kewangan Pertama dan Menteri Kewangan Kedua. Jawatan Menteri Kewangan Pertama akan dipegang oleh YAB Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad di samping jawatan Perdana Menteri, sementara jawatan Menteri Kewangan Kedua akan disandang oleh YB Datuk Mustapa bin Mohamed yang juga Menteri Pembangunan Usahawan.

"Kedua-dua pelantikan ini berkuatkuasa mulai hari ini, Isnin 7 September 1998.

"Jabatan Perdana Menteri
7 Sept 1998"

-- BERNAMA
ZKS NMO